

04 NOV 2002

Asean-Pelancongan/I

PEMIMPIN ASEAN TANDATANGANI PERJANJIAN PELANCONGAN

Oleh: Tham Choy Lin

PHNOM PENH, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan pemimpin Asean hari ini menandatangani satu perjanjian bagi mengembleng usaha pelancongan serantau selepas mengutuk kerajaan-kerajaan asing kerana sembarangan menasihatkan rakyat mereka agar mengelakkan Asia Tenggara.

Perjanjian Pelancongan Asean akan, antara lain, memudahkan urusan perjalanan bagi warganegara Asean di kalangan negara-negara anggota termasuk menghapuskan levi dan cukai perjalanan, di samping memudahkan prosedur visa bagi pelawat antarabangsa ke rantau itu.

Dalam deklarasi bersama mereka yang menyatakan iltizam mereka untuk memerangi keganasan, pemimpin-pemimpin berkenaan telah meminta kerajaan-kerajaan asing untuk tidak sembarangan mengeluarkan nasihat untuk tidak melawat Asia Tenggara tetapi sebaliknya menyokong langkah menangani keganasan Asean.

Amaran itu telah ditingkatkan selepas kejadian pengeboman 12 Okt di Bali yang telah membunuh 186 orang, kebanyakannya pelancong asing dan penahanan suspek penganas oleh negara-negara di rantau itu.

Namun beberapa pegawai Asean termasuk setiausaha agung perkumpulan itu Rodolfo Severino menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan Barat tidak bertindak sedemikian selepas serangan 11 Sept di Amerika Syarikat atau dalam drama tebusan oleh pemberontak Chechen di Moscow baru-baru ini.

Pemimpin-pemimpin Asean kecewa kerana industri pelancongan adalah sektor paling penting dalam ekonomi mereka dan telah memainkan peranan utama dalam pemulihan mereka daripada krisis kewangan.

Ketibaan pelancong meningkat sebanyak 17 peratus pada separuh pertama 2001 dan melepasi rekod 31 juta pelancongan ekoran krisis 1997. Tetapi alirannya telah menurun selepas tragedi 11 Sept.

Pelancongan juga disasarkan sebagai tunggak untuk meningkatkan ekonomi negara-negara anggota Asean yang lebih baru dan lebih miskin iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam.

Di bawah perjanjian pelancongan itu, pemimpin-pemimpin berikrar untuk mengurangkan syarat perdagangan dan mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih menarik bagi sektor awam dan swasta. Kad pintar bagi pelawat tetap dan perniagaan juga digalakkan.

Negara-negara Asean juga bersetuju untuk membuka perkhidmatan udara mereka secara progresif dan menggalakkan kerjasama di kalangan syarikat penerbangan serantau.

Dalam usaha menangani kebimbangan terhadap keselamatan, perjanjian itu juga menyediakan kerjasama lebih erat dan perkongsian maklumat berhubung soal imigresen di kalangan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang.

-- BERNAMA

TCL MAM RHM